

Kad Inden BHPETROL

1. Definisi dan Skop Kad

1.1 "Kad Inden BHPETROL" merujuk kepada Kad Inden (yang namanya boleh diubah dari semasa ke semasa) yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak **Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd** ("BHPETROL") berdasarkan permohonan oleh mana-mana agensi kerajaan. Kad ini menyediakan kemudahan daripada BHPETROL ("Kemudahan").

1.2 Kad Inden BHPETROL adalah **khusus untuk pembelian minyak petrol/diesel untuk penjawat awam / kegunaan kenderaan rasmi kerajaan.**

1.3 "Pelanggan" merujuk kepada mana-mana entiti kerajaan atau jabatan kerajaan yang membuat permohonan rasmi untuk mendapatkan Kad Inden BHPETROL dan diluluskan oleh BHPETROL untuk menerima Kemudahan tersebut.

1.4 "Pegguna Kad" merujuk kepada mana-mana individu yang diberi kuasa oleh Pelanggan untuk menggunakan Kad Inden BHPETROL bagi pihak Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad kepada pegawai kenderaan, pemandu, atau mana-mana wakil rasmi lain yang dinamakan oleh Pelanggan, serta mana-mana Pemegang Kad Tambahan seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 1.5.

1.5 "Pemegang Kad Tambahan" merujuk kepada mana-mana individu tambahan selain Pengguna Kad utama yang dinamakan atau diberi kuasa oleh Pelanggan untuk menggunakan Kad Inden BHPETROL, tertakluk kepada pengesahan dan kelulusan BHPETROL.

1.6 Penggunaan Kad Inden BHPETROL hendaklah **mematuhi Program Kad Inden yang ditetapkan kerajaan melalui surat kelulusan KEW310 yang sah dan semua penggunaan Kad Inden BHPETROL adalah tertakluk kepada tatacara serta had penggunaan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.**

1.7 Tertakluk kepada Klausula 4 di bawah, semua individu (termasuk tetapi tidak terhad kepada **Pelanggan, Pemegang Kad dan Pemegang Kad Tambahan**) yang menggunakan Kad BHPETROL serta semua transaksi yang dijalankan melalui Kad Inden BHPETROL tersebut akan dianggap sebagai **telah mendapat kebenaran daripada Pelanggan.** Semua transaksi yang dijalankan menggunakan Kad Inden BHPETROL dianggap sebagai dibuat dengan kebenaran Pelanggan, dan BHPETROL tidak bertanggungjawab untuk mengesahkan identiti atau autoriti mana-mana Pengguna Kad.

Dengan menggunakan Kad Inden BHPETROL atau menandatangani di bahagian belakang Kad Inden BHPetrol, Pengguna Kad dan Pengguna Kad Tambahan dianggap telah **bersetuju dengan terma dan syarat** ini.

1.8 Sekiranya Kad Inden BHPETROL tidak ditandatangani di bahagian belakang, BHPETROL berhak untuk menganggap — dan Pelanggan dianggap telah bersetuju — bahawa tandatangan Pengguna Kad pada baucar atau resit pembelian merupakan tandatangan yang sah dan dibenarkan.

1.9 Kad Inden BHPETROL adalah dan akan sentiasa menjadi **hak milik BHPETROL atau pihak yang dilantik.** BHPETROL berhak untuk meminta pemulangan mana-mana Kad BHPETROL pada bila-bila masa tanpa perlu memberikan apa-apa alasan, termasuk sebab-sebab operasi, keselamatan atau pematuhan.

2. Penggunaan Kad Inden BHPETROL

2.1 Setiap Kad Inden BHPETROL hanya sah digunakan dalam tempoh yang dinyatakan pada kad tersebut. Jika tiada tempoh dinyatakan, kad dianggap sah untuk **tempoh satu (1) tahun** dari tarikh dikeluarkan, kecuali dinyatakan sebaliknya. Sebarang lanjutan tempoh adalah tertakluk kepada **budi bicara mutlak BHPETROL.**

2.2 Jika Kad Inden BHPETROL telah disahkan (endorsed) dengan nombor pendaftaran kenderaan tertentu, maka menjadi **tanggungjawab Pengguna Kad** dan bukan BHPETROL untuk memastikan pembelian bahan

api yang dibuat menggunakan Kad tersebut adalah **berkaitan dengan kenderaan yang dinyatakan**. BHPETROL dan stesen minyak tidak mempunyai obligasi untuk mengesahkan kesesuaian atau hubungan antara transaksi dan kenderaan yang diendorskan.

3. Sekatan Penggunaan

3.1 BHPETROL berhak pada bila-bila masa untuk **menyekat, menggantung, mengubah atau menarik balik** penggunaan Kad Inden BHPETROL dan/atau PIN yang berkaitan. BHPETROL akan berusaha untuk memberikan notis terlebih dahulu, tetapi **tidak mempunyai kewajipan untuk berbuat demikian**. Pelanggan tidak akan mempunyai apa-apa tuntutan terhadap BHPETROL atas apa-apa kerugian atau implikasi operasi akibat sekatan atau penggantungan tersebut.

3.2 Walaupun sekatan dikenakan, semua Pengguna Kad tetap akan **bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua transaksi** yang dilakukan menggunakan Kad Inden BHPETROL.

4. Resit Transaksi

4.1 Sekiranya Pengguna Kad dikehendaki untuk menandatangani resit bagi sesuatu transaksi menggunakan Kad Inden BHPETROL, adalah menjadi **tanggungjawab Pengguna Kad** untuk memastikan **ketepatan dan kelengkapan** maklumat pada resit tersebut.

4.2 Sebarang percanggahan atau ketidaktepatan dalam resit transaksi hendaklah **dimaklumkan kepada BHPETROL dalam tempoh dua puluh empat (24) jam** dari masa transaksi dilakukan. Kegagalan untuk melaporkan dalam tempoh tersebut akan menyebabkan Pengguna Kad dianggap telah **menerima rekod transaksi BHPETROL sebagai lengkap dan tepat**.

5. Keselamatan Kad Inden BHPETROL

5.1 Sekiranya Kad Inden BHPETROL hilang, dicuri, disalah guna, atau keselamatannya terjejas, Pengguna Kad hendaklah **segera memaklumkan kepada BHPETROL** dan makluman secara lisan sahaja tidak memadai serta perlu disahkan dan mengesahkan makluman tersebut secara **bertulis**. Sehingga makluman bertulis diterima oleh BHPETROL, BHPETROL berhak untuk **mengekalkan tanggungan terhadap Pelanggan** bagi sebarang transaksi yang dibuat menggunakan Kad Inden BHPETROL tersebut. Pelanggan bertanggungjawab atas semua transaksi sehingga pembatalan berkuat kuasa dalam sistem BHPETROL.

Setelah makluman bertulis diterima, BHPETROL akan mengambil langkah untuk **membatalkan Kad Inden BHPETROL** tersebut dan Pelanggan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang transaksi selanjutnya oleh mana-mana Pengguna Kad lain. Semua Kad BHPETROL yang telah dibatalkan hendaklah **dikembalikan kepada BHPETROL** atau wakil sahnyanya.

6. Pembayaran dan Caj

6.1 Semua transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Inden BHPETROL yang dikeluarkan atas permintaan Pelanggan hendaklah disahkan oleh pegawai kenderaan jabatan masing – masing untuk tujuan pembayaran balik oleh Akauntan Negara kepada BHPETROL. BHPETROL tidak bertanggungjawab atas kelewatan pengesahan atau pembayaran akibat proses dalaman Pelanggan.

6.2 Semua pembayaran berkaitan transaksi menggunakan Kad Inden BHPETROL hendaklah dilakukan dalam **Ringgit Malaysia (RM)**.

7. Harga

7.1 Harga yang perlu dibayar untuk pembelian diesel / petrol menggunakan Kad Inden BHPETROL adalah mengikut harga semasa di stesen minyak.

8. Tanggungjawab dan Liabiliti

8.1 Premis yang menerima Kad Inden BHPETROL mungkin dikendalikan oleh pihak ketiga yang bebas. Oleh itu, **BHPETROL tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kematian, kerosakan harta benda, atau sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan, kos atau perbelanjaan** dalam apa-apa jua cara sekalipun yang timbul daripada atau berkaitan dengan tindakan atau kelalaian pihak ketiga tersebut, sama ada berkaitan penggunaan Kad Inden BHPETROL atau tidak.

BHPETROL juga **tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecacatan dalam kualiti produk atau perkhidmatan** yang dibekalkan oleh pihak ketiga.

BHPETROL juga tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa penggunaan tanpa kebenaran oleh mana-mana Pengguna Kad, Pemegang Kad Tambahan atau mana-mana individu yang mempunyai akses kepada Kad Inden BHPETROL melalui Pelanggan.

8.2 Tertakluk kepada undang-undang yang terpakai, jumlah liabiliti maksimum BHPETROL terhadap Pelanggan atau mana-mana Pengguna Kad bagi sebarang tuntutan adalah terhad kepada jumlah nilai transaksi dalam tempoh tiga (3) bulan terdahulu daripada tarikh tuntutan, termasuk tetapi tidak terhad kepada gangguan sistem pembayaran, gangguan terminal, atau kegagalan rangkaian yang berada di luar kawalan munasabah BHPETROL.

9. Pembatalan dan Penamatan

9.1 BHPETROL berhak pada bila-bila masa untuk **membatalkan atau membatalkan kesahihan mana-mana Kad Inden BHPETROL** yang dikeluarkan sekiranya mana-mana Pengguna Kad melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini. BHPETROL juga berhak untuk menggantung atau menamatkan penggunaan Kad Inden BHPETROL sekiranya berlaku perubahan kawal selia, dasar kerajaan atau perubahan harga yang memerlukan pelarasan operasi.

9.2 Akaun Pelanggan boleh ditamatkan:

- a) **Serta-merta oleh BHPETROL** pada bila-bila masa dengan pemberian notis bertulis kepada Pelanggan; atau
- b) Oleh **Pelanggan dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya lima belas (15) hari lebih awal** dan dengan **memulangkan semua Kad Inden BHPETROL** yang telah dikeluarkan (dipotong dua) kepada BHPETROL atau wakil yang dilantik; atau
- c) **Serta-merta tanpa notis**, sekiranya Pelanggan telah melakukan perbuatan muflis atau dikenakan petisyen penggulungan syarikat.

Walaupun akaun Pelanggan telah ditutup, Terma dan Syarat ini akan terus terpakai kepada Pelanggan dan Pengguna Kad Inden **sehingga semua syarat dipatuhi sepenuhnya**. Penamatan akaun tidak menjejaskan tanggungjawab Pelanggan untuk menyelesaikan apa-apa jumlah tertunggak.

10. Penepian Hak dan Pemisahan Klausu

10.1 Sebarang kelonggaran atau toleransi oleh BHPETROL berkaitan mana-mana haknya di bawah Perjanjian ini **tidak akan mengikat** melainkan dibuat secara bertulis dan **ditandatangani oleh BHPETROL**. Sebarang kelonggaran tersebut hanya akan terpakai kepada isu, ketidakpatuhan atau pelanggaran yang dinyatakan secara jelas dalam perjanjian bertulis tersebut dan **tidak akan dianggap sebagai penepian hak BHPETROL yang lain**.

10.2 Mana-mana peruntukan atau terma dalam dokumen ini yang menjadi atau diisytiharkan tidak sah, tidak sah di sisi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan atas apa jua sebab, hendaklah dianggap boleh dipisahkan daripada Perjanjian ini dan hendaklah dianggap sebagai telah dipadamkan dari Perjanjian ini, dan tidak akan menjejaskan peruntukan-peruntukan lain dalam Perjanjian ini.

11. Pemindahan Hak

11.1 Hak Pelanggan dan mana-mana Pengguna Kad **tidak boleh dipindah milik**. Sebarang cubaan pemindahan hak tersebut adalah tidak sah dan BHPETROL berhak untuk **membatalkan dan/atau membatalkan kesahihan** semua Kad Inden BHPETROL yang telah dikeluarkan atau kemudahan yang diberikan di bawahnya. Walau bagaimanapun, **BHPETROL boleh memindahkan mana-mana haknya tanpa sebarang notis kepada Pelanggan atau Pengguna Kad**.

12. Perubahan oleh BHPETROL

12.1 BHPETROL berhak pada bila-bila masa untuk **mengubah, menambah atau meminda** Terma dan Syarat ini dengan memberikan **notis bertulis kepada Pelanggan**. Sekiranya Pelanggan atau Pengguna Kad **tidak bersetuju dengan pindaan tersebut**, mereka hendaklah serta-merta **berhenti menggunakan Kad Inden BHPETROL** dan **memulangkan Kad tersebut (dipotong dua)** kepada BHPETROL.

Sekiranya Kad Inden BHPETROL tidak dikeluarkan oleh BHPETROL, Pelanggan hendaklah memaklumkan secara bertulis (selaras dengan Klausula 13.1) **dalam tempoh 7 hari** bahawa beliau tidak bersetuju dengan pindaan tersebut.

Jika Pengguna Kad menyimpan atau menggunakan Kad Inden BHPETROL selepas tarikh pindaan berkuat kuasa, atau gagal memberikan maklumat bertulis dalam tempoh ditetapkan, maka beliau **dianggap telah menerima perubahan tersebut**.

13. Komunikasi

13.1 Segala komunikasi oleh BHPETROL dianggap telah diterima **dalam tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh ia dihantar melalui pos berbayar kepada alamat terakhir Pelanggan atau Pengguna Kad yang diketahui. Semua komunikasi kepada BHPETROL dianggap telah diterima dalam tempoh yang sama jika dihantar melalui **mel berdaftar berbayar** ke alamat BHPETROL yang tertera di belakang Kad BHPETROL atau alamat lain yang dimaklumkan dari semasa ke semasa.

13.2 Pelanggan mengesahkan bahawa **semua maklumat dan butiran** dalam permohonan Kad Inden BHPETROL atau kemudahan yang berkaitan adalah benar dan tepat. Pelanggan dan semua Pengguna Kad hendaklah **segera memaklumkan kepada BHPETROL secara bertulis melalui mel berdaftar dalam masa dua puluh empat (24) jam** sekiranya berlaku sebarang perubahan material dalam maklumat yang diberikan.

14. Polisi Data Peribadi

14.1 Semua data peribadi yang dikumpul oleh BHPETROL diproses selaras dengan Notis Perlindungan Data Peribadi (“Notis Privasi”) yang boleh dirujuk di www.bhpetrol.com.my/privacy.html. Dengan memberikan sebarang data peribadi, Pelanggan mengesahkan bahawa beliau telah membaca, memahami dan **memberikan persetujuan** untuk data peribadinya diproses sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis tersebut.

15. Undang-undang Terpakai

15.1 Pembinaan, kesahan dan pelaksanaan Terma dan Syarat ini **adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia** dan Pelanggan serta Pengguna Kad dengan ini **bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah di Malaysia**.

15.2 Sekiranya berlaku sebarang pertikaian, kedua-dua pihak akan berusaha untuk menyelesaikannya secara baik dalam tempoh yang munasabah sebelum membawa perkara ke Mahkamah.

16. Force Majeure

16.1 BHPETROL tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan atau kelewatan dalam pelaksanaan obligasinya yang disebabkan oleh kejadian luar jangka seperti bencana alam, peperangan, mogok, arahan kerajaan, pandemik, atau sebarang gangguan sistem atau bekalan bahan api di luar kawalan munasabahnya.

17. Indemniti

17.1 Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan BHPETROL tidak terjejas terhadap sebarang tuntutan, kerugian, kos, atau liabiliti yang timbul akibat penyalahgunaan Kad oleh Pelanggan atau mana-mana Pengguna Kad.

18. Penggunaan Rekod Elektronik

18.1 Rekod elektronik transaksi yang disimpan oleh BHPETROL akan dianggap sebagai bukti utama dan diterima sebagai bukti sah dalam sebarang prosiding undang-undang, melainkan dibuktikan sebaliknya.